



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 3, Issue 2, April 2018

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.mssocialsciences.com

Kaedah Pengajaran Sejarah yang Diminati Pelajar dan Justifikasinya

Lezah @ Lejah Binti Kiamsin¹, Rosy Binti Talin¹

¹Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Correspondence: Lezah @ Lejah Binti Kiamin (klezah73@gmail.com)

Abstrak

Kaedah pengajaran merupakan elemen penting dalam merangsang minat seterusnya pencapaian pelajar dalam sesuatu mata pelajaran, lebih-lebih lagi bagi mata pelajaran Sejarah yang dianggap sebagai mata pelajaran yang membosankan sejak dahulu lagi. Jesturu itu, objektif kajian ini ialah mengenalpasti kaedah pengajaran yang diminati oleh para pelajar pra universiti khususnya pelajar yang mengambil mata pelajaran Sejarah dan sebab-sebab yang mendorong pelajar meminati kaedah tersebut. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif yang menggabungkan dua kaedah yang utama iaitu temu bual dan pemerhatian. Persampelan bertujuan digunakan dalam kajian ini. Sampel kajian terdiri daripada empat orang pelajar yang mengambil mata pelajaran Sejarah pada peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) di daerah Kota Kinabalu. Dapatan kajian ini dapat dilihat dari tema utama kajian yang wujud iaitu kaedah pelajar minati serta justifikasi pemilihan kaedah tersebut dikalangan pelajar. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan wujud kepelbagaiannya kaedah para pelajar minati iaitu kaedah pembentangan, sesi soal jawab, *Gallery Walk* dan perbahasan. Seterusnya, selain dapat memupuk pelbagai kemahiran baru, meningkatkan motivasi, minat seterusnya meningkatkan pencapaian pelajar merupakan justifikasi yang diberikan para pelajar terhadap pemilihan kaedah di kalangan pelajar. Oleh yang demikian, guru berperanan penting memilih kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan kehendak pelajar sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran dapat dicapai.

Kata kunci: kaedah pengajaran, sejarah, pra-universiti, proses pembelajaran

Teaching Method of History Preferred by Students and Its Justifications

Abstract

Teaching method is an essential element in stimulating the interest in students subsequently their achievement in a subject, especially for the subject of History that is, for a long time, considered as a boring subject. The objective of this study is to identify the method of preference for pre-university students, particularly those who take the History subject and the reasons that motivate the students to be interested in the method. This study uses a qualitative design that combines the two main methods of interviewing and observation. The sampling was intended to be used in this study. The sample of the study consisted of four students who took the History subject at the Malaysian High School Certificate (STPM) level in the district of Kota Kinabalu. The findings of this study can be seen from the main theme of the study which is the method that interest the students and the justification of selection of the method among them. Overall, the findings show that there exist diversity of methods that students are interested in, namely the presentation method, questionnaire session, *Gallery Walk* and debate. Furthermore, being able to inculcate new skills, increasing motivation, interest and improving students'

achievement are the justifications given by students to the selection of methods among students. As such, teachers play an important role in selecting the teaching methods that are appropriate to the needs of students throughout the teaching and learning process to ensure the objective of teaching and learning can be achieved.

Keywords: teaching method, history, pre-university, learning process

Pengenalan

Mata pelajaran Sejarah merupakan subjek yang berkaitan dengan fakta tentang masa lalu. Sebenarnya, subjek Sejarah adalah penting kerana ia merupakan sumber pengalaman dan asas untuk kehidupan hari ini. Namun begitu, masih kedengaran bahawasanya mata pelajaran Sejarah merupakan subjek yang membosankan sejak dulu sehingga kini. Fenomena ini seringkali dikaitkan dengan pendekatan, kaedah dan strategi yang digunakan oleh guru-guru yang dianggap kurang sesuai untuk diamalkan.

Menurut Booth (1993); Goodwin dan Stevens (1993), secara keseluruhannya, pelajar yang berkualiti terhasil menerusi proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Selain itu juga, kualiti guru merupakan faktor yang paling signifikan di peringkat sekolah yang paling penting bagi keberhasilan murid. di samping faktor minat, sikap dan gaya pembelajaran pelajar (Nor Erna dan Leong , 2014). Melihat kepada situasi di atas, maka penerokaan situasi sebenar proses pengajaran dan pembelajaran amat perlu bagi memberi jawapan yang tepat berkaitan penggunaan kaedah pengajaran sejarah peringkat pra-universiti seterusnya akan menjadi landasan kepada guru-guru mengenalpasti kaedah pengajaran yang menjadi pilihan para pelajar di samping peningkatan pencapaian pelajar dalam peperiksaan. Penerokaan ini amat perlu kerana pra universiti merupakan satu proses transisi untuk pelajar beralih ke fasa bergelar pelajar universiti. Ini kerana mengikut Brown (1980), "Menguasai Kurikulum Sejarah bukanlah merupakan perkara yang sukar tetapi kelemahan sebenar terletak pada cara penyampaiannya". Selain daripada itu, kurangnya kajian berkaitan pengajaran peringkat pra universiti juga menjadi pendorong kepada penyelidik bagi menjalankan kajian ini.

Persoalan Kajian

Dua persoalan utama yang dijadikan persoalan kajian ini iaitu;

1. Apakah kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diminati oleh para pelajar?
2. Apakah justifikasinya pelajar memilih kaedah tersebut?

Tinjauan Literatur

Sulaiman Md. Yassin, Mohd. Salleh Lebar dan Azlina Abu Bakar (2004) menyatakan pengajaran yang berkesan ialah pengajaran yang mengambil kira pelbagai aspek. Aspek-aspek tersebut termasuklah psikologi dan professional. Oleh yang demikian para pendidik seharusnya menggunakan kaedah pengajaran yang betul untuk menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Kenyataan ini selaras dengan dapatan kajian Anuar et al., (2009) terhadap tahap keupayaan pengajaran guru Sejarah dari persepsi pelajar terhadap lima aspek pengajaran guru. Kajian mereka mendapati kemahiran mengajar guru Sejarah merupakan aspek yang paling banyak menyumbang kepada pencapaian pelajar bagi mata pelajaran Sejarah berbanding kebolehan guru, cara pengajaran guru, penggunaan bahan bantu mengajar dan perhatian guru Sejarah terhadap kerja pelajar.

Selain daripada itu, bagi menjamin keberkesanan pengajaran dan pembelajaran seseorang guru hendaklah berupaya untuk mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif dan keberkesanan pengajaran amat bergantung pada kualiti seseorang guru (Abdullah Hassan dan Ainon Mohd, 2005). Kajian mengenai keberkesanan pengajaran mendapati bahawa wujudnya perkaitan antara kualiti pengajaran guru dengan pembelajaran murid (Muhammad Faizal et al., 2014). Sesebuah

pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih efektif jika guru mengenal pasti gaya pembelajaran murid (Azizi et. al, 2011).

Seterusnya, Kamarul Azmi dan Ab. Halim (2007) menegaskan antara sifat-sifat guru yang berkesan ialah mempunyai kemahiran mengajar, termasuk menghubungkan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam pengajarannya. Seseorang guru perlu berpengetahuan dan mempunyai kemahiran. Kemahiran mengajar atau *teaching skills* meliputi aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian dengan tujuan menyebarkan ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada pelajar-pelajar dengan berkesan iaitu menggunakan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik mengajar berlandaskan teori pengajaran dan pembelajaran.

Tan dan Carol (2013) turut mengakui bahawa kemahiran guru dalam mengaplikasian teknologi seperti video YouTube sebagai alat bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah berjaya menarik minat dan meningkatkan kefahaman dan daya ingatan pelajar kerana isi pengajaran disampaikan secara telus. Guru-guru Sejarah seharusnya lebih kompeten dalam mendepani dan menyesuaikan diri mereka dengan perkembangan ICT dalam dunia pendidikan dengan mengaplikasikan sepenuhnya kemahiran teknologi maklumat yang mereka miliki mengikut kesesuaian isi kandungan atau tajuk bagi menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah yang lebih efektif. Kenyataan ini sesuai dan seiring dengan kemajuan teknologi yang semakin meningkat serta hasilnya diharap dapat melahirkan lebih ramai pelajar yang cemerlang dalam mata pelajaran Sejarah. Dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian oleh Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad, & Nur Syazwani Abdul Talib (2016), bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kekerapan penggunaan sumber, kepelbagaiannya penggunaan sumber, dan penggunaan sumber dalam pengajaran dan pembelajaran dengan minat pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah.

Hasil kajian Awang, Ahmad & Abdul Rahman (2014), menyatakan bahawa para pelajar mempunyai sikap positif terhadap kepentingan peta minda dalam pembelajaran Sejarah. Majoriti responden mengakui peta minda mempunyai banyak manfaat termasuklah mengingati fakta Sejarah. Namun tidak semua pelajar menggunakan peta minda dalam mengulangkaji pelajaran. Selain itu sebanyak 80% pelajar menyatakan bahawa penggunaan peta minda oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran meningkatkan kefahaman pelajar terhadap peristiwa Sejarah. Peta minda yang berkesan hendaklah bersifat individu dan dibina dengan penuh kreativiti. Bahkan 60% responden menyatakan bahawa penggunaan peta minda adalah antara pendekatan pengajaran Sejarah yang terbaik.

Seterusnya, hasil kajian Abu et al., (2014), mendapatkan bahawa pengajaran guru merupakan salah satu faktor penting dalam menentukan pencapaian murid di samping sikap, minat dan pengaruh rakan sebaya. Dapatan ini mengukuhkan lagi dapatan Anuar (2009) bahawa guru yang berkemahiran mengajar Sejarah dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. Guru-guru Sejarah mempunyai tanggungjawab dan peranan besar dalam meningkatkan pencapaian pelajar. Pengaruh kompetensi kemahiran guru perlu dipertingkat dan diberi perhatian sewajarnya agar pengajaran guru Sejarah lebih berkesan, kerana dengan pengajaran yang berkualiti dan berkesan maka matlamat pendidikan Sejarah seperti mana yang yang digariskan Kementerian Pendidikan yang terkandung dalam kurikulum Sejarah tercapai. Selanjutnya, Rohani Arbaa (2010) mendapatkan bahawa wujud hubungan yang positif antara ciri kualiti guru dengan komitmen pelajar. Ini kerana guru yang berkualiti akan dapat meningkatkan komitmen pelajar dalam aktiviti pembelajaran serta mengalakkkan penglibatan intelektual pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Begitu juga, hubungan yang baik antara guru dan pelajar dalam bilik darjah mampu membantu pelajar untuk meningkatkan penglibatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Hasil kajian di United Kingdom menunjukkan bahawa dalam konteks pengajaran sejarah, para pelajar lebih gemar kepada kaedah perbahasan, perbincangan, kerja kumpulan, pengajaran menggunakan video dan kerja lapangan (Cooper dan McIntyre, 1996). Manakala Rosenzweig (2000), dapatan kajian yang dijalankan di Amerika Syarikat menunjukkan pelajar lebih berminat kepada aktiviti yang melibatkan mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Kajian ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Chew (2013), yang mendapatkan bahawa penggunaan akhbar dapat membantu

dalam pengajaran Bahasa Melayu tingkatan enam. Ini kerana pelajar melalui penggunaan akhbar pelajar menganalisis maklumat seterusnya dapat meningkatkan pemikiran kritis di kalangan pelajar.

Secara keseluruhannya, keberkesanannya pengajaran amat bergantung kepada kepelbagaian kaedah yang digunakan di samping guru perlu peka kepada perubahan dan kehendak semasa serta sentiasa berusaha untuk melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran bagi menghasilkan pengajaran yang lebih berkualiti. Justeru itu, kemampuan mempelbagaikan kaedah pengajaran mampu untuk meningkatkan prestasi akademik pelajar dan menjadi pemangkin kepada perubahan sikap dan minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah yang dianggap sebagai mata pelajaran yang membosankan selama ini. Kajian-kajian lepas sama ada pada peringkat sekolah menengah mahupun peringkat tinggi, keupayaan guru merupakan elemen penting dalam mencorakkan keberhasilan pelajar.

Metod Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Penyelidik ingin mencari jawapan berkaitan dengan kaedah pengajaran yang menjadi pilihan pelajar serta justifikasi yang mempengaruhi pemilihan kaedah tersebut. Kaedah pengumpulan data yang digunakan iaitu temu bual dan pemerhatian. Temu bual yang dijalankan adalah berbentuk semi berstruktur manakala pemerhatian separah berstruktur turut digunakan bagi mengukuhkan lagi daptan kajian. Bagi memastikan kajian ini lebih bermakna, penyelidik telah memilih reka bentuk penyelidikan kualitatif berbentuk kajian kes. Kajian kes intrinsik merupakan kajian kes yang diguna pakai dalam kajian ini. Ini selaras dengan pendapat Chua (2006); Merriam (2002); Othman Lebar (2007) dan Noraini Idris (2010), penggunaan kajian kes amat sesuai apabila sesuatu kajian melibatkan pemerhatian seseorang individu atau unit, satu kumpulan manusia, keluarga, satu kelas, sekolah, satu masyarakat, peristiwa atau budaya. Manakala sampel kajian ini adalah terdiri daripada empat orang pelajar yang mengambil mata pelajaran Sejarah yang dipilih secara khusus mengikut kesesuaian kajian ini.

Dapatkan Kajian

Kaedah pelajar Minati

Hasil analisis temu bual yang dijalankan, tema berkaitan kaedah pelajar minati turut dikenalpasti. Antara kaedah pengajaran yang dikenalpasti ialah Kaedah Perbahasan, Kaedah Pembentangan, Kaedah *Gallery Walk* dan Kaedah Ceramah. Hasil triangulasi data menunjukkan kaedah yang digunakan oleh guru dalam PdP secara keseluruhannya adalah sama dengan kaedah yang dikenalpasti oleh pelajar. Selain itu, secara keseluruhannya informan pelajar dapat menyatakan beberapa kaedah pengajaran dengan tepat. Walau bagaimanapun, dari aspek kaedah yang diminati pula, terdapat perbezaan pendapat dikalangan pelajar berkenaan.

Bagi adik S1, kaedah yang diminati ialah kaedah perbahasan. Hal ini dinyatakan oleh adik S1 seperti berikut:

“...*Perbahasan..*” (S1_TB1_197)

Manakala bagi adik S2 pula, kaedah pembentangan merupakan kaedah yang diminati. Adik S2 menjelaskan bahawa,

“... *Pembentangan..*” (S2_TB1_171)

Seterusnya adik S3 dan S4 pula, kaedah yang mereka minati juga berbeza. Hal ini dinyatakan oleh adik S3 dan S4 seperti kenyataan berikut:

“..*Gallery Walk ..*” (S3_TB1_197)

“...Sesi soal jawab..” (S4_TB1_173)

Jadual 1: Kaedah Pelajar Minati

Nama Pelajar	Kaedah Pelajar Minati (Berpusatkan Pelajar)
S1	Perbahasan dan Pembentangan
S2	Pembentangan
S3	<i>Gallery Walk</i>
S4	Sesi Soal Jawab

Justifikasi Pemilihan Kaedah

Dapatan keseluruhan menunjukkan bahawa informan pelajar mempunyai minat yang berbeza terhadap kaedah yang digunakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Perbezaan pandangan terhadap sesuatu kaedah membawa kepada pemilihan kaedah yang pelbagai di kalangan informan pelajar. Berikut merupakan justifikasi yang diberikan oleh pelajar berkaitan dengan kaedah yang mereka minati.

Menjana Pemikiran Kritis

Secara keseluruhannya, para pelajar memberikan justifikasi berbeza berkaitan kaedah pilihan mereka. Dalam konteks pemilihan kaedah perbahasan, menjana pemikiran kritis merupakan salah satu sebab utama pelajar S1 memilih kaedah tersebut. Keupayaan kaedah ini dalam membina pemiliran aras tinggi (KBAT) serta membolehkan perkembangan idea berlaku membawa kepada pemilihan kaedah ini. Hal ini dijelaskan oleh adik S1 iaitu:

“...membina pemikiran yang kritis..” (S1_TB1_201)

“...Dapat mengembangkan idea..” (S1_TB1_202)

Kedua-dua di atas jelas menunjukkan pelajar S1 lebih mengemari kaedah yang mencabar kerana kaedah ini memerlukan pelajar membuat persediaan yang rapi sebelum proses pengajaran dan pembelajaran berlaku.

Penglibatan Menyeluruh Pelajar

Penglibatan menyeluruh pelajar merupakan justifikasi yang diberikan oleh adik S2 terhadap pemilihan kaedah pembentangan. Bagi adik S2, Kaedah Pembentangan yang diaplikasikan dalam PdP memerlukan semua ahli kumpulan bekerjasama menyiapkan tugas. Hal ini dijelaskan oleh adik S2 bahawa,

“...wajibkan semua terlibat untuk membentang..” (S2_TB1_184).

Kenyataan di atas turut disokong oleh adik S1. Hal ini dijelaskan oleh adik S1 seperti berikut:

“.. Semua terlibat..” S1_TB1_207

Kenyataan di atas menunjukkan, sebahagian pelajar lebih gemar terlibat secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini seterusnya membawa kepada proses pembelajaran aktif dapat dicapai.

Mencabar

Seterusnya, adik S2 berpendapat bahawa, kaedah pembentangan merupakan kaedah yang mencabar kerana pelajar perlu membentangkan dapatan perbincangan di hadapan rakan-rakan mereka seterusnya memupuk sifat berkeyakinan bercakap dikhayal ramai. Hal ini dijelaskan oleh adik S2 dan S1 seperti berikut:

“...*kasi bentang juga di hadapan ..*” (S2_TB1_174)

“...*lebih berkeyakinan lah cikgu..*” (S1_TB1_204)

Selain daripada itu, kaedah soal jawab juga dianggap mencabar oleh pelajar kerana didapati mampu memupuk sikap berani. Hal ini dijelaskan oleh adik S4 seperti berikut:

“...*memerlukan apa.. keberanian orang tu untuk bercakap..*” (S4_TB1_181)

Menarik

Menarik merupakan justifikasi yang diberikan oleh adik S3 terhadap pemilihan kaedah Gallery Walk. Bagi adik S3, kaedah ini amat menarik kerana ia melibatkan banyak komunikasi di antara pelajar. Perkara ini dijelaskan oleh adik S3 bahawa:

“...*berbincang dengan rakan-rakan lain..*” (S3_TB1_199)

“...*lebih banyak kita berkomunikasi..*” (S3_TB1_203)

Selain daripada itu, mengikut adik S3 lagi, penggunaan kaedah ini menarik kerana ia amat berkesan bagi mengelakkan rasa bosan di kalangan pelajar. Hal ini dijelaskan oleh adik S3 seperti berikut:

“..*Pelajar tidak cepat merasa bosan untuk belajar Sejarah...*” (S3_TB1_205-206)

Menguasai Pelbagai Topik dan Fakta Lebih Jelas

Lebih banyak maklumat dapat diperolehi merupakan salah satu sebab pemilihan kaedah. Ini dijelaskan oleh adik S1 dan S3 seperti berikut:

“..*dapat mengumpulkan maklumat-maklumat yang diorang dapat..*” (S1_TB1_199-200).

“...*menguasai pelbagai topik..*” (S3_TB1_208)

Seterusnya, memudahkan pelajar memahami sesuatu fakta merupakan justifikasi yang diberikan oleh adik S1 terhadap pemilihan kaedah perbahasan dan adik S4 dengan kaedah soal jawab. Ini dijelaskan oleh adik S1 dan S4 bahawa:

“...*mudah faham..*” (S1_TB1_210)

“...*jadi cikgu akan bagi tahu lebih detail kenapa jawapan dia macam ini..supaya kami lebih faham.. ..*” (S4_TB1_176-177).

Setelah meniliti kaedah yang diminati pelajar, dapat dirumuskan bahawa para pelajar mempunyai minat yang berbeza. Walau bagaimanapun, semu informan pelajar tersebut lebih cenderung kepada pendekatan berpusatkan pelajar. Ini jelas menunjukkan bahawa pelajar lebih gemar mereka dilibatkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran daripada berdiam diri mendengar penerangan daripada guru. Keadaan ini amat bersesuaian dengan kurikulum pra universiti iaitu melahirkan pelajar yang

berupaya memikul tanggungjawab, prihatin, berinovatif, matang, berjiwa kendiri, berpandangan jauh, keteguhan jati diri dan berbudaya penyayang.

Perbincangan

Perbincangan dan Kesimpulan Berdasarkan Kaedah Pelajar Minati

Hasil kajian ini menunjukkan setiap individu mempunyai keinginan yang berbeza. Hal ini terbukti apabila pelajar memilih kaedah yang berbeza antara satu sama lain. Daripada tujuh kaedah yang dikenalpasti, para pelajar memilih kaedah perbahasan, pembentangan, soal jawab dan *galeri work*. Pemilihan kaedah dikalangan pelajar cenderung kepada pendekatan berpusatkan pelajar kerana mampu memberi kesan yang positif kepada mereka. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh (Garret, 2008; Kai, 2009; Bower dan Hedberg, 2010; Wright, 2011; Pitrik dan Standl, 2013). Hasil kajian menunjukkan para pelajar lebih berminat kepada pengajaran berpusatkan pelajar kerana mereka lebih gemar dilibatkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan bukannya bertindak sebagai pemerhati sahaja. Hal ini jelas menunjukkan bahawa guru perlu melibatkan pelajar secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan pelajar lebih berminat terhadap pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan seterusnya objektif PdP dapat dicapai dengan berkesan.

Perbincangan dan Kesimpulan Justifikasi Pemilihan Kaedah dikalangan Pelajar

Pemilihan kaedah yang pelbagai dikalangan pelajar didorong oleh beberapa sebab. Pemilihan kaedah pembentangan dan *Gallery Walk* khususnya disebabkan kekuatan yang ada pada kaedah ini. Melalui kaedah ini, pelajar berusaha mencari dan mendapatkan maklumat dan seterusnya menyampaikan dapatan mereka. Melalui kaedah pembentangan dan *Gallery Walk*, pelajar akan dididik untuk bekerjasama menyiapkan tugas yang diberikan. Seterusnya, melalui kaedah ini juga pelajar menjadi lebih berdikari terhadap proses pembelajaran mereka . Dapatan ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Rong, 2010. Selain itu, penglibatan semua pelajar merupakan salah satu kekuatan yang ada pada kedua-dua kaedah ini. Selain daripada dua kaedah di atas, kaedah sesi soal jawab juga merupakan kaedah yang diminati oleh pelajar pra universiti. Antara kekuatan keadah ini ialah fakta yang tepat dan lengkap diperolehi melalui sesi sumbang saran para pelajar serta maklum balas daripada guru. Dapatan ini selaras dengan kajian (Mohd Anuar Mamat, 2015), Aktivit soal jawab dengan pelbagai teknik dapat mendorong pelajar melibatkan diri secara aktif dalam pengajaran di samping menjamin kefahaman yang menyeluruh.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini berjaya mendedahkan kaedah-kaedah pengajaran yang diminati oleh para pelajar pra universiti dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Para pelajar cenderung kepada kaedah berpusatkan pelajar seperti pembentangan, perbahasan, *Gallery Walk* dan sesi soal jawab. Pemilihan kaedah yang pelbagai dikalangan pelajar jelas menunjukkan wujud keinginan yang berbeza dikalangan pelajar. Walau bagaimapun, dapat disimpulkan bahawa pelajar lebih berminat pada kaedah pengajaran yang melibatkan mereka dalam sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, pelajar turut memberikan justifikasi yang berbeza bagi setiap pemilihan kaedah yang mereka minati. Dapatan ini kajian ini boleh dijadikan panduan kepada para guru dalam memilih kaedah pengajaran yang sesuai dan keadaan ini seterusnya akan membawa kepada meningkatkan pencapaian akademik pelajar serta matlamat kurikulum sejarah itu sendiri.

Rujukan

- Ahamad Rahim, Azwani Ismail, Abdul Razaq Ahmad, Zahara binti Aziz & Sharifah Nur Puteh . (2011). Kurikulum Sejarah Ke Arah Pembentukan Perpaduan Kaum di Malaysia. *Jurnal Pendidikan dan Latihan*, 3(1): 1-19.
- Abdul Said Ambotang, Baharum Mohamad & Dullah Yute. (2014). *Faktor Penyumbang Pencapaian Rendah Mata Pelajaran Ekonomi STPM di Sabah: Satu Tinjauan Awal*. Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah: 29-39
- Abdul Talib Hashim, Amir Hasan Dawi, Hamidah Yusuf & Zahari Suppian. (2012). Gaya pembelajaran pelajar tingkatan enam di Malaysia. *Malaysian Education Research Repository*, 5.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2005). Kemahiran Interpersonal Untuk Guru. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ariegusrini Agus & Mohamad Johdi Bin Salleh.(2009). Kreativiti pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Dlm. Abdul Razaq & Isjoni;. Transformasi pengajaran dan pembelajaran Sejarah :183 – 196.
- Anuar Ahmad & Nelson Jinggan. (2015). Pengaruh kompentensi kemahiran guru dalam pengajaran terhadap pencapaian akademik dalam mata pelajaran sejarah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(2): 1-11.
- Anuar Ahmad, Siti Haisah Abd Rahman & Nur Atiqah T. Abdullah. (2009). Tahap keupayaan guru sejarah dan hubungannya dengan pencapaian murid di sekolah berprestasi rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1): 53-66.
- Attard, A., Ioio, E. D., Geven, K., & Santa, R. (2011). *Time a New Paradigm in Education: Student-Centered Learning: Student-Centered Learning SCL toolkit*. Liaga Deca. The European Student' Union.
- Azizi Yahaya & Nurfaizah Abdul Majid. (2011). Hubungan antara budaya formal sekolah dan gaya pembelajaran pelajar dengan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah. *Journal of Educational Psychology and Counseling*, 2: 78-112
- Booth, A. (1993). Learning History in university : Student view on teaching and assessment. *Studies in Higher Education*, 18(2): 227-235.
- Borries BV. (2000). Methods and Aims of Teaching History in Europe : A Report on Youth and History. In Stearns, P. N., Seixas, P., and Wineburg, S. (eds.) *Knowing Teaching and Learning History: National and International Perspectives*. New York: New York Press.: 246 – 261.
- Bower, M., & Hedberg, J. G. (2010). A qualitative multimodal discourse analysis of teaching and learning in a web-conferencing environment- the efficacy of student-centered learning design. *Computer and Education*, 54:462-478.
- Brown TC. (2003). The effect of verbal self-guidance training on collective efficacy and team performance. *Personnel Psychology*, 56(4): 935–64.
- Cooper P. McIntyre D. (1996). *Effective teaching and learning: Teachers perspectives*. Buckingham. Open University Press.
- Erlingsson, C., & Brysiewicz, P. (2013). Orientation among multiple truths: An introduction to qualitative research. *African Journal of Emergency Medicine*, 3: 92-99.
- Garrett, T. (2008). Student-centered and teacher-centered classroom management: A case study of three elementary teacher. *Journal of Classroom Interaction*, 43(1): 34-47.
- Guan, L. C., & Sin, T. W. (2009). Kajian tentang faktor pertalian sikap pelajar, minat pelajar, pengaruh guru dan penglibatan ibu bapa terhadap pencapaian mata pelajaran sejarah di kalangan pelajar tingkatan empat di Melaka. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan* : 48-62.
- Ismail Said. (2014). *Kaedah pengajaran Sejarah*. Puchong, Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Kai I. Cheng. (2009). Effect of laner-centered teaching on motivation and learning strategies in a third-year pharmacotherapy course. *American Journal of Pharmaceutical Education*, 73(3): 1-8.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Sukatan Pelajaran Sejarah STPM*. Majlis Peperiksaan Malaysia.
- Merriam, S.B. (2009). *Qualitative Research and Case Study Application in Education*. San Francisco: Jossey -Bass Pub.
- Mohd Anuar Mamat. (2015). *Teknik soal-jawab dalam pengajaran imam abu hanifah Suatu analisis terhadap kitab Al-alim Wa al-Mutaallim*. *Journal of Islamic Education*, 3:1-12.

- Muhammad Faizal A. Ghani, Norfariza Mohd Radzi, Simin Ghavifekr & Husaina Banu Kenayatullah. (2014). Pengurusan disiplin murid di sekolah kawasan bandar dan luar bandar: Perspektif pemimpin sekolah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 1(1): 7-40
- Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad & Mohd Suhaimi Abdul Rahman. (2014). Penggunaan peta minda oleh pelajar cerdas dalam pembelajaran sejarah. *Jurnal pendidikan Malaysia*, 39(2): 95-100.
- Mohd Samsudin & Shahizan Shaharuddin. (2012). Pendidikan dan pengajaran mata pelajaran sejarah di sekolah di Malaysia. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 39 (2): 116-141
- Nor Erna Abu & E.K. Leong. (2014). Hubungan antara sikap,minat, pengajaran guru dan pengaruh rakan sebaya terhadap pencapaian matematik tingkatan 4. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(1): 1-10.
- Othman Lebar. (2014). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Selangor: Smart Print & Stationer Sdn Bhd.
- Owens, D, N., & Key, S. (2012). Student-Centered Learning: Instructional strategies that work. *Delta Journal of Education*, 2(2): 143-152.
- Peng, C. F., & Mohamed, R. (2013). Keberkesanan penggunaan akhbar dalam pengajaran karangan dalam kalangan pelajar tingkatan enam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(2): 18-30.
- Pet, M., & Sihes, A. (2013). Pemikiran guru cemerlang mata pelajaran tingkatan enam dalam pengajaran. *International Seminar on Quality and Affordable Education*, :34-39..
- Piaw, C. Y. (2014). *Kaedah Penyelidikan* (Vol. Edisi Ketiga). Kuala Lumpur, Malaysia: Mc Graw Hill.
- Poh, B.T & Ng, M.L.Y. Abdullah. (2008). Kesan faktor jantina, etnik dan gaya kognitif ke atas pencapaian Pengajian Am. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 23: 123-140
- Renuka Ramakrishnan & Siti Hawa Abdullah, (2012), Penggunaan Sumber Digital Sejarah dalam Kalangan Guru Sejarah. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2012. Universiti Teknologi Malaysia.Rivero, I.L.,
- Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Nordin Abd Razak. (2010). Hubungan guru-pelajar dan kaitannya dengan komitmen belajar pelajar: Adakah guru berkualiti menghasilkan perbezaan pembelajaran antara jantina. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 53(2): 61-69.
- Rong-Ji Chen. (2010). Investigating model for preservice teachers' use of technology to support student-centered learning. *Computer and Education*, 55: 32-42.
- Rossafri Mohamad & Shabariah Binti Mohamad Shariff. (2011). Kesan penggunaan laman sosial ke atas kaedah perbincangan di dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah. *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia*, 1(1): 75-80.
- Sulaiman Md. Yassin, Mohd. Salleh Lebar & Azlina Abu Bakar. (2002). *Komunikasi Dalam Pengajaran dan Kepemimpinan Pendidikan*. Shah Alam: Karisma Publication.
- Tan Choon Keong & Carol Abu. (2013). *Pengaplikasian vedio youtube: Bahan bantu mengajar (BBM) dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sains sosial*. Universiti Malaysia Sabah.
- Wright, G. B. (2011). Student-centered learning in high education. *International Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 23(3): 101-113.